



BERITA KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR

[EDARAN DALAMAN SAHAJA]

BIL. 06/02

23 OKTOBER 2002

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KANDUNGAN

- Majlis Lafaz Ikrar Atlit dan Penyerahan Bendera Kontinjen Universiti Kepada Ketua Kontinjen
- Majlis Perpisahan dan Sambutan Hari Lahir Kelab Setiausaha KUIIM
- Lawatan Pegawai Kedutaan dan Qari Tilawah Al-Quran dari Iran
- Peristiwa

MAJLIS LAFAZ IKRAR ATLIT DAN PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN UNIVERSITI KEPADA KETUA KONTINJEN

KUIM, 17 Oktober – Majlis Lafaz Ikrar Atlit dan Penyerahan Bendera Kontinjen Universiti kepada Ketua Kontinjen telah diadakan bertempat di Bilik Kuliah 4, Tingkat 10, Menara B yang disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin. Majlis tersebut diadakan bersempena dengan penyertaan atlit-atlit KUIIM ke Sukan MASUM 2002 yang berlangsung pada 19 hingga 30 Oktober 2002 di Universiti Teknologi Mara (UITM), Shah Alam. Pada temasya tersebut pelbagai acara dipertandingkan termasuklah bola sepak, bola jaring, sepak takraw, bola tampar, bola baling, ping-pong, badminton, hoki dan lain-lain. Tahun 2002 merupakan tahun ke 3 penglibatan KUIIM di dalam Sukan MASUM secara menyeluruh.

Pada tahun ini, KUIIM telah memberikan saingan di dalam acara-acara yang terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama sepak takraw, badminton (W) ping-pong, (L/W), bola tampar (L) dan bola baling (w) manakala fasa kedua bola sepak, bola jaring dan badminton (L). Sebelum majlis tersebut, pada sebelah paginya atlit-atlit KUIIM telah menjalani latihan dan membuat lawatan di Kompleks Sukan Negara,

Bukit Jalil yang diketuai oleh En. Nur Ekmal Buhary, Pegawai Sukan dan Rekreasi dengan dibantu oleh En. Sulaiman Hassan.



Atlit-atlit KUIIM menjalani latihan di Bukit Jalil



Atlit KUIIM sedang melafaz ikrar

MAJLIS PERPISAHAN DAN SAMBUTAN HARI LAHIR KELAB SETIAUSAHA KUIM

5 September - Kelab Setiausaha KUIM telah mengadakan satu Majlis Perpindahan dan Sambutan Hari Lahir yang diadakan di Bilik Mesyuarat Bendahari, Tingkat 14 Menara A, Pandan Indah. Majlis tersebut diadakan bersempena penamatan perkhidmatan Cik Zurina Jusoh, Setiausaha Pengarah Unit Pembangunan sebagai AJK Perhubungan, Kelab Setiausaha dan juga meraikan hari kelahiran ahli-ahli Kelab Setiausaha yang jatuh pada bulan Ogos dan September. Antara yang diraikan ialah Cik Noor Ashikin Musbah, Pn. Zuraidah Mohd Salleh dan Cik Rokiah Nawi. Majlis ini merupakan aktiviti pertama Kelab Setiausaha

KUIM disamping aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan kelak.

Kelab Setiausaha KUIM ditubuhkan daripada cetusan idea penaung kelab tersebut iaitu Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Hussin. Penubuhannya telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) pada 6 Ogos 2002. Penubuhan kelab tersebut adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan dan membentuk warga setiausaha yang profesional serta futuristik dalam menjana arus perdana. Kelab Setiausaha KUIM dijangka akan dilancarkan pada bulan November 2002.

LAWATAN PEGAWAI KEDUTAAN DAN QARI TILAWAH AL-QURAN DARI IRAN



En. Mohammad Tahir dan En. Hammad Farhi sedang beramah mesra dengan wakil Kedutaan Iran.-
Gambar oleh Djohan Shahrin

KUIM, 30 Okt. - Satu lawatan dari Kedutaan Iran ke kampus sementara KUIM telah berlangsung pada hari tersebut dimana pihak Kedutaan Iran telah diwakili oleh Pegawaiinya En. Nasser Kamali bersama-sama En. Enayati Moghadam, Qari yang telah menyertai Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa baru-baru ini dan En. Sotoudehnia pengiring kepada Qari tersebut. Tujuan lawatan tersebut antara lain adalah untuk melihat perkembangan dan kemajuan yang telah dilaksanakan oleh KUIM sebagai sebuah Universiti yang bercirikan keislaman dan program-program pengajian yang ditawarkannya. Para pelawat telah dibawa melawat disekitar kawasan kampus dengan diiringi oleh **En. Mohammad Tahir Zainuddin, Pegawai Perhubungan Awam** dan **En. Hammad Farhi Mohd Saudi, Penolong Pendaftar Canselori**.

PERISTIWA

- 23-25 Oktober** – Kursus Pengukuran dan Penilaian di Bandar Baru Selayang
- 24 Oktober** – Pendaftaran pelajar Tahun 1 di Makmal Bahasa
- 25 Oktober** – Pendaftaran pelajar Tahun 2 di Makmal Bahasa
- 30 Oktober** – Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam IV serta Majlis Istiqbal Ramadhan anjuran FDPI
- 29-31 Oktober** – Pertandingan Musabaqah Menghafaz Al-Quran anjuran FPQS